

BAB V

SEJARAH HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA

"When we joined Malaysia, we never agreed to Malay rule, we agreed to Malaysian rule, never Malay rule". - Lee Kuan Yew dalam Alex Josey, Lee Kuan Yew -The Crucial Years, m.s. 266.

5.1 Pengenalan

Pada pandangan penulis sejarah awal hubungan Malaysia -Singapura sangat penting di ketahui dan difahami sebelum penilaian terhadap hubungan era Dr. Mahathir dianalisis. Untuk memahami dan menganalisis khasnya hubungan politik dan keselamatan Malaysia-Singapura 1981-1995 dengan tepat, maka pada pandangan penulis tahap-tahap awal sejarah hubungan kedua-dua negara perlulah diselidik terlebih dahulu. Ini penting kerana maklumat tersebut boleh dijadikan latarbelakang yang berguna untuk memahami hubungan antara kedua negara dalam era pimpinan Dr. Mahathir. Untuk tujuan tersebut penulis membahagikan tahap-tahap hubungan awal Malaysia-Singapura seperti tersebut:

- I Hubungan awal Tanah Melayu/ Malaya/ Malaysia-Singapura sehingga 1963
- II Hubungan Malaya-Singapura 1963-1965: Pembentukan Malaysia
- III Hubungan Malaysia-Singapura selepas perpisahan 1965
 - a. Era Tunku Abdul Rahman 1965-1970
 - b. Era Tun Abdul Razak 1971-1976
 - c. Era Tun Hussein Onn 1976-1981

5.2 Hubungan Awal Tanah Melayu/Malaya/ Malaysia–Singapura Sehingga 1963

Singapura dari segi sejarah, geografi, ketenteraan, politik, sosial dan ekonomi adalah sebahagian daripada Semenanjung Tanah Melayu.¹ Namun pulau itu menjadi satu entiti tersendiri pada tahun 1946 berikutan pembentukan Malayan Union oleh penjajah British. Malah sebelum tahun 1819 Singapura dipunyai oleh Kesultanan Johor-Lingga.² Seterusnya walaupun Singapura dijadikan “*Crown Colony*”, sebahagian dari Negeri-Negeri Selat ia masih merupakan sebahagian dari Malaya. Pembentukan Malayan Union merupakan pemangkin kepada kebangkitan semangat kebangsaan orang-orang Melayu untuk bersatu dan menubuhkan UMNO. Konflik dalam hubungan Persekutuan Tanah Melayu-Singapura telah lama terjadi sebelum ianya menyertai Malaysia pada 16 September 1963. Ini kerana sebagai pusat pentadbiran “*British Malaya*”, Singapura merupakan pesaing Kuala Lumpur di mana peniaga-peniaga di Persekutuan Tanah Melayu yang merupakan pengeluar bahan-bahan mentah tidak berpuas hati terhadap komuniti perniagaan di Singapura yang mendapat untung lebih lumayan disebabkan mereka adalah pengekspot dan pengimpor yang terlibat secara terus dalam perdagangan antarabangsa. Tambahan pula Gabenor British di Singapura yang juga merupakan Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pula terlalu memihak kepada Singapura dalam dasar-dasarnya di mana usaha untuk membina infrastruktur dan pelabuhan antarabangsa di Semenanjung Tanah Melayu disekat. Malahan hasil dari Negeri-negeri Bersekutu telah digunakan untuk membina infrastruktur di luar Negeri-negeri Bersekutu termasuk Singapura.³

¹ Mohamad Nordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation-Political Unification in The Malaysia Region 1945-1965*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1976), m.s. 91.

² Sir R. O. Winstead, dipetik dalam Daisy Heng Chee Chan, *Singapore Out of Malaysia-The Politics of Survival*, A Thesis presented to the Faculty of the Graduate School of Cornell University for the Degree of Master of Arts, 1967.

³ Khoo Kay kim “ Malaysia-Singapura: Penyatuan dan Perpisahan”, *Backbench* , Bil. 18, Julai 1996, m.s. 55.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada 1 Februari 1948 menggantikan “*Malayan Union*” perlembagaannya telah dipersetujui oleh British bahawa status negeri-negeri Melayu dan keistimewaan orang-orang Melayu mesti dipelihara⁴. Inilah ciri utama Persekutuan Tanah Melayu di mana orang-orang Melayu mendapat keistimewaan berbanding kaum-kaum yang lain sebagai tolak ansur untuk menerima kerakyatan mereka. Keistimewaan ini akhirnya menjadi satu isu penting yang membawa kepada pertikaian diantara Kuala Lumpur-Singapura pada tahap-tahap berikutnya.

5.3 Hubungan 1963–1965: Pembentukan Malaysia

Malaya di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah mencapai tahap penyatuan Malaysia-Singapura dari 16 September 1963 hingga 9 Ogos 1965. Tempoh ini merupakan sejarah kerjasama dan konflik dalam usaha pembentukan dan pembinaan sebuah negara. Penyatuan ini merupakan peristiwa penting yang terus menjadi titik rujukan dalam hubungan seterusnya sehingga hari ini. Singapura menyertai Malaysia pada 16 September 1963 atas permintaan kerajaan Parti Tindakan Rakyat Singapura -PETIR atau “*Peoples Action Party -PAP*” yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew.⁵ Beliau yang memenangi pilihanraya Singapura pada tahun 1959 telah memulakan satu bentuk masyarakat yang diarah oleh kerajaan. Masyarakat itu adalah berasaskan kepada pendekatan Persyarikatan Singapura.⁶ Lee Kuan Yew mahukan percantuman Singapura-Malaysia sebagai alat untuk mencapai kemerdekaan dan meningkatkan kebijakan dan kemakmuran Singapura.⁷

⁴ *Ibid.* m.s. 54.

⁵ Zainal Abidin Wahid, “Malaysia-Singapura Bersatu Semula”, *Backbench*, Bil 18, Julai 1996, m.s. 42.

⁶ Lihat W. G. Huff, *The Economic Growth Of Singapore-Trade and Development in the Twentieth Century*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1994), m.s. 366.

⁷ Charles Richard Ostrom, “A Core Interest Analysis of The Formation of Malaysia and the Separation of Singapore” (Ann Arbor: University Microfilms, 1973), m.s. 77.

Walau pun pada pengetahuan awam gagasan Malaysia sebenarnya pertama sekali disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 di Singapura tetapi ada yang mengatakan pertama kali cadangan itu dibuat oleh Tunku pada 26 Disember 1955. Ini berasaskan kajian Mohamed Nordin Sopiee yang antara lain menyatakan "*Tunku Abdul Rahman was able to bring to fruition in 1963 an idea he first publicly suggested in 1955.*"⁸

Sebelum itu iaitu pada tahun 1954 Parti PAP pimpinan Lee Kuan Yew telah berjuang di atas dasar untuk merdeka melalui penyatuan dengan Persekutuan Tanah Melayu, tambahan pula pada pandangan beliau prospek ekonomi Singapura tidak begitu baik dan kemerdekaan Malaya akan mengakibatkan "*Singapore's economic isolation.*"⁹

Pembentukan Malaysia mengikut Mohamed Nordin Sopiee adalah berasaskan dua teori iaitu tiori keselamatan dan tiori perluasan. Bagi tiori yang pertama pembentukan itu dibuat kerana Kuala Lumpur tidak mahu Singapura yang semakin sehari semakin kuat pengaruh golongan kiri atau yang pro-komunis itu menjadi Cuba kedua bagi Persekutuan Tanah Melayu. Sementara itu mengikut tiori kedua percantuman Malaysia-Singapura selaras dengan usaha memperluaskan Persekutuan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman. Pendapat ini berasaskan pendapat lima orang menteri persekutuan dan dua orang pegawai awam yang ditemubual oleh Mohamed Nordin Sopiee.¹⁰ Namun satu lagi faktor penting yang mempengaruhi Singapura ke arah penyatuan dengan tanah Melayu ialah kepentingan keselamatan dan pertahanan pulau Singapura. Ini kerana mengikut dokumen parti PAP pada tahun 1960, "*militarily.. Singapore and Malaya are one unit.. Colonialism has made a*

⁸ Mohamad Nordin Sopiee, *Opcit.* m.s. 135.

⁹ Charles Richard Ostrom, *Opcit.* m.s. 88.

¹⁰ Mohamad Nordin Sopiee, *opcit.* m.s. 125-127.

technically international frontier on the Straits of Johore and created two states.. He who conquers Malaya.. conquers Singapore.. And conversly he who holds Singapore absorbs Malaya”¹¹.

Dengan itu jelaslah sebab yang terpenting mengapa Singapura menyertai Malaysia ialah untuk mempastikan “survival”nya sebagai sebuah entiti politik pada pandangan Lee Kuan Yew masa itu. Beliau sedar bahawa tanpa menyertai sebuah kesatuan yang besar seperti Malaysia banyak ancaman politik, keselamatan dan ekonomi yang terpaksa dihadapi oleh beliau.

Namun diwaktu Singapura menyertai Malaysia , Lee Kuan Yew terus memperjuangkan konsep “*Malaysian Malaysia*” di mana beliau bercita-cita mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai bangsa yang berdasarkan meritokrasi. Sementara itu apabila Lee Kuan Yew mengadakan pilihanraya Singapura pada 21 September 1963 untuk mendapat mandat baru selepas pembentukan Malaysia, Parti Perikatan Singapura yang pro-dasar-dasar Tunku Abdul Rahman di Semenanjung Tanah Melayu juga menyertai pilihanraya Singapura. Namun semua calon Perikatan yang pro-Kuala Lumpur kalah kepada PAP.

Pada bulan November 1963 parlimen Malaysia bersidang buat pertama kalinya dan Lee Kuan Yew menyatakan partinya PAP adalah sahabat, pengkritik dan pembangkang yang setia kepada Parti Perikatan. Seterusnya dalam pilihanraya Umum 1964, PAP menamakan sembilan orang calon di kawasan bandar di Semenanjung Tanah Melayu. PAP mendakwa partinya akan mewakili kaum Cina di Malaya. Ini kerana pada pandangan Lee Kuan Yew, MCA telah gagal mewakili kaum Cina dalam erti kata yang sebenar. Walaupun strategi awal PAP ialah tidak

¹¹ Petikan Dalam Charles Richard Ostrom, *Ibid*. m.s. 108.

mengkritik Tunku Abdul Rahman namun keputusan PAP itu menyebabkan kepercayaan Tunku kepada PAP telah hancur.¹² PAP hanya mengkritik Tan Siew Sin kerana tujuannya ialah untuk menggantikan MCA dalam parti yang memerintah iaitu Perikatan. Dalam pilihanraya itu PAP hanya memenangi satu kerusi sahaja iaitu Bangsar yang diwakili oleh C. V. Devan Nair.

Selepas pilihanraya 1964 konflik Kuala Lumpur - Singapura semakin serius. Ini kerana selepas kekalahan semua calon Perikatan dalam pilihanraya Singapura tahun 1963 seorang aktivist UMNO Syed Jaafar Albar dihantar ke Singapura untuk menyusun kembali UMNO Singapura. Beliau berjaya mengumpul seramai 12,000 orang-orang Melayu untuk melakukan perarakan besar-besaran menuntut hak-hak istimewa orang-orang Melayu Singapura dengan meminta Lee Kuan Yew menyediakan kuota pekerjaan, basiswa, tanah rizab Melayu, harga rumah yang istimewa kepada kaum Melayu, seperti yang amalkan di Semenanjung Tanah Melayu.

PAP juga menganjurkan konvensyen Melayu dan Lee Kuan Yew menyatakan beliau tidak akan memberikan sebarang keistimewaan dalam bentuk kuota kepada orang-orang Melayu tetapi berjanji untuk memperbaiki keadaan mereka dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan, pendidikan dan memperbaiki keadaan perumahan. Bemula dari konvensyen tersebut keganasan telah berlaku dan kemuncaknya dua hari kemudian di mana semasa perarakan perayaan Maulud Nabi dua puluh dua orang telah maut, dua ratus orang tercedera dan 1,130 telah ditangkap oleh pihak berkuasa. Masalah keganasan kaum amat serius disekitar bulan Julai dan September tahun 1964.

¹² Tunku Abdul Rahman, *Looking Back-Monday Musing and Memories*, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), m.s. 116.

Pada akhir bulan September kedua-dua pihak iaitu Perikatan dan PAP bersetuju untuk berdamai selama dua tahun dengan cara kedua-dua pihak hendaklah mengelak daripada isu-isu sensitif. Walau bagaimanapun pemimpin-pemimpin UMNO terus berusaha memperkuatkan UMNO di Singapura dan PAP terus beroperasi di Malaya. Apabila Khir Johari menyatakan UMNO akan berusaha untuk mengalahkan PAP dalam pilihanraya 1967, maka pertikaian di antara PAP-UMNO bertambah hangat. Pemimpin-pemimpin UMNO yang terdiri dari Syed Jaafar Albar, Khir Johari dan Senu Abdul Rahman menyatakan Singapura gagal memenuhi permintaan rakyat Melayu Singapura dan pemimpin PAP yang terdiri dari Lee Kuan Yew, Toh Chin Chye dan S. Rajaratnam menuduh UMNO menggalakkan golongan *Ultra* yang mahu menjadikan Malaysia sebagai “*Malay Malaysia*”.¹³

Pertelingkahan tersebut membawa kepada perubahan strategi oleh Lee Kuan Yew apabila beliau secara terbuka memulakan kempen agresif untuk memperkuatkan kuasa politiknya dengan melibatkan kerjasama dengan parti-parti politik di seluruh Malaysia. Perbalahan lisan digantikan dengan tindakan politik apabila PAP pada 9 Mei 1965¹⁴ menubuhkan satu pakatan yang terdiri dari lima buah parti politik iaitu PAP, SUPP, UDP dan PPP dan Machinda of Sarawak yang dikenali sebagai “*Malaysian Solidarity Convention*”-MSC di Singapura untuk menjayakan *Malaysian Malaysia*.

Disebaliknya Tunku Abdul Rahman dan UMNO mahukan keutamaan dan keistimewaan terhadap kedudukan orang-orang Melayu diteruskan. Perbedaan asas dalam dasar dan usaha-usaha yang berterusan oleh pihak PAP pada awalnya untuk mencabar dan hanya menggantikan MCA sebagai parti politik kaum Cina di

¹³ Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, (London: Hodder and Stoughton, 1976), m.s. 344.

¹⁴ Yeo Kim Wah dan Albert Lau, “From Colonialism To Independence, 1945-1965” dalam Ernest C. T. Chew dan Edwin Lee, *A History of Singapore*, (Singapore: Oxford University Press, 1991), m.s. 146.

Malaysia masih boleh ditangani oleh Tunku. Namun setelah Lee Kuan Yew secara terbuka mahu menjadi Perdana Menteri Malaysia yang berbentuk “*Malaysian Malaysia*” dan berjaya membentuk “*Malaysian Solidarity Convention*” maka ianya amat sukar untuk dibendung oleh Tunku Abdul Rahman.

Pertentangan pendapat dan prinsip pembinaan negara di antara Tunku dengan Lee Kuan Yew menyebabkan Tunku membuat keputusan untuk menyingkirkan Singapura pada 25 Julai 1965 di London. Penyingkiran Singapura oleh Tunku Abdul Rahman telah dilakukan secara rasmi pada 9 Ogos 1965. Penyingkiran tersebut merupakan satu contoh di mana Presiden *UMNO* dan Perdana Menteri Malaysia membuat sesuatu keputusan penting dengan tidak mengambil kira pandangan daripada *UMNO*.¹⁵

5.4 Hubungan Selepas Perpisahan 1965

Selepas Singapura dipisahkan daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965 hubungan di antara kedua negara adalah dikatakan ‘friendly’ tetapi tidak ‘close’. Sebagai asas kepada kajian hubungan 1981-1995, penulis berpendapat maklumat hubungan Malaysia-Singapura selepas perpisahan perlulah diketengahkan. Untuk tujuan tersebut pengkaji membahagikan hubungan kedua-dua negara kepada tahap-tahap berikut iaitu, era Tunku Abdul Rahman, era Tun Abdul Razak dan era Tun Hussein Onn.

5.4.1 Era Tunku Abdul Rahman

Selepas Singapura disingkirkan berkuatkuasa pada 9 Ogos 1965 hubungan Kuala Lumpur-Singapura boleh di katakan agak tegang. Ketegangan itu terjadi pada umumnya disebabkan oleh pemimpin-pemimpin Singapura terus mengutuk Malaysia. Tunku

¹⁵ Chamil Wariya, *Siapa Kuasai UMNO*, (Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd., 1985), m.s. 186.

umumnya disebabkan oleh pemimpin-pemimpin Singapura terus mengutuk Malaysia. Tunku sememangnya semenjak dari awal lagi tidak mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan Lee Kuan Yew kerana sikap pemimpin Singapura tersebut yang dikatakan '*abrasive*' dan menunjukkan '*verbal excesses*'.¹⁶ Sikap ini telah dikesan semasa perundingan yang disertai oleh kedua-dua pihak bagi membincangkan isu-isu kewangan, perdagangan dan percuaiian apabila Singapura mahu menyertai Malaysia. Namun perhubungan selepas perpisahan bertambah tegang kerana pemimpin-pemimpin Singapura terus mengutuk Malaysia berasaskan tema utama seperti berikut:

*"Singapore smarting from the indignity of separation, never missed an opportunity to run down Malaysia as a feudal state, spendthrift, inefficient and dominated by people unfit to govern."*¹⁷

Oleh kerana pengaruh Perdana Menteri adalah '*paramount*' dalam semua dasar-dasar kerajaan maka dasar luar dan khasnya hubungan Malaysia-Singapura amat bergantung kepada faktor peribadi pemimpin itu sendiri. Jelaslah hubungan yang tidak akrab antara dua tetangga ini disebabkan tidak ada rasa saling faham memahami dan percaya mempercayai di antara kedua pihak. Dalam hubungan ini pada tahun 1971, Dr. Mahathir Mohamad menyatakan:

*"The PAP leaders have never been close to UMNO."*¹⁸

¹⁶ Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963-1970*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.), m.s. 88.

¹⁷ Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, (Singapore: Times Books International, 1995), m.s. 183

¹⁸ Dr. Mahathir Mohamad, "Trends In Foreign Policy and Regionalism", dalam Patrick Low (ed), *Trends in Southeast Asia*, No. 2, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies).

5.4.2 Era Tun Abdul Razak

Dalam era ini Malaysia telah melalui satu perubahan yang jelas di mana Tun Razak mengambil pendirian yang berkecuali dalam hubungan dengan kuasa-kuasa besar. Dalam negeri, dasar yang memberi keutamaan kepada orang-orang Melayu iaitu Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Walau bagaimanapun tidak berlaku banyak perubahan dalam hubungan Malaysia-Singapura di mana hubungan tersebut masih lagi berada dalam keadaan '*cool*'.¹⁹ Ini terutamanya disebabkan oleh Tun Razak merupakan seorang tokoh politik Melayu yang penting terlibat secara langsung dalam perundingan pembentukan dan penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman.²⁰

Walau pun Tun Abdul Razak ada membuat lawatan ke Singapura pada tahun 1973,²¹ namun hubungan di peringkat tinggi tidaklah banyak mengubah tahap perhubungan ke arah yang lebih rapat di antara kedua negara kerana syak wasangka dan rasa cemburu masih tebal. Namun dari segi pertahanan Malaysia dan Singapura menganggotai satu pakatan pertahanan yang dikenali sebagai Pakatan Pertahanan Lima Negara atau *-Five Power Defence Arrrangements -FPDA*. Pakatan ini berkuatkuasa pada 1 November 1971 menggantikan Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaysia- *Anglo-Malaysian Defence Treaty*. Selanjutnya dari segi politik hubungan itu masih berjalan seperti biasa , ini kerana kedua-dua negara juga menganggotai ASEAN semenjak penubuhannya pada tahun 1967.

Secara umumnya hubungan Malaysia-Singapura pada era Tun Razak masih di warnai oleh pengalaman pahit akibat pertikaian berkaitan dengan isu kedudukan

¹⁹ Marvin L. Rogers, "Malaysia and Singapore: 1971 Development", *Asian Survey*, Vol XII, Number 2., February 1972.

²⁰ Mohamad Nordin Sopiee, *op. cit.* m.s. 206.

²¹ Stanley S. Bedlington, *Malaysia and Singapore- The Building of New States*, (Ithaca: Cornell University Press, 1978), m.s. 248.

dan peranan kaum Melayu dan Cina di antara pemimpin-pemimpin UMNO dan PAP. Dalam hubungan ini seorang pengkaji politik menyifatkan hubungan Malaysia-Singapura sebagai: “*Relations with Malaysia remains correct, but not close.*”²²

5.4.3 Era Tun Hussein Onn

Bermula dari tahun 1976 apabila Tun Hussein Onn menggantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia maka astu perkembangan yang baru dalam hubungan Malaysia-Singapura telah bermula. Walau bagaimanapun ia belum lagi boleh di katakan telah pulih sepenuhnya. Banyak faktor yang menyebabkan perubahan tersebut di antara yang paling penting ialah Tun Hussein tidak mempunyai penglibatan secara langsung dalam pertelingkahan di antara kedua pihak sebelum tahun 1965.²³

Seterusnya sebagai anak kepada pengasas UMNO yang mempunyai pandangan politik yang lebih liberal terhadap kaum bukan Melayu di mana bapanya pernah memperjuangkan pembukaan UMNO kepada orang-orang bukan Melayu dan mahu menukar ‘*United Malay National Organization*’ kepada “*United Malayan National Organization*”. Ekoran dari perbedaan pendapat itu maka Dato Onn dan Tun Hussein telah meninggalkan UMNO pada 23 Ogos 1951 lalu menubuhkan “*Independent Malaya Party*. ”²⁴ Tun Hussein Onn kembali menyertai semula UMNO hanya dalam tahun 1968 setelah dipujuk oleh Tun Razak. Berasaskan sejarah yang dilaluinya sikap Tun Hussein tersebut telah di anggap oleh pemimpin Singapura sebagai tidak mempunyai sifat perkauman. Ini dapat dibuktikan apabila S. Rajaratnam salah seorang tokoh kanan PAP menyatakan Tun Hussein tidak mempunyai:

²² Marvin L. Rogers, *Op.Cit.*, m.s. 176.

²³ Lee Poh Ping, *Op. cit.* . m.s. 222.

²⁴ Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar- Pengasas Kemerdekaan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 19930, m.s. 205 dan 211.

*"communal bias..... it was during the time when Tun Hussein was in office that the relationship between Singapore and Malaysia began to turn for the better"*²⁵.

5.5 Kesimpulan

Daripada penerangan di atas ternyata hubungan Malaysia -Singapura telah melalui tahap-tahap yang turun naik dalam tempoh yang di kaji. Dalam usaha mencapai matlamat kedua-dua negara khasnya untuk membentuk negara '*nation-building*' di dapati faktor peribadi pemimpin dan pandangan serta sikap mereka terhadap kaum Cina amat penting dalam mewarnai sejarah hubungan dalam tempoh yang tertentu seperti di atas. Tunku yang berlatar belakangkan istana dan Tun Razak seorang aristokrat menghadapi masalah dalam menangani sikap agresif yang ditunjukkan oleh Lee Kuan Yew dalam menjayakan '*Malaysian Malaysia*' mengakibatkan penyingkiran Singapura pada tahun 1965.

Tun Razak seorang nasionalis yang sama terlibat dalam pembentukan dan penyingkiran Singapura tidak dapat melakukan banyak perubahan dalam menangani hubungan Malaysia-Singapura. Pada pendapat penulis era Tun Hussein merupakan titik permulaan ke arah perhubungan yang lebih memuaskan dalam hubungan bilateral kedua negara. Namun perubahan tersebut tidak signifikan jika dibandingkan dengan era Dr. Mahathir. Bermula dari tahun 1981 **Dr. Mahathir yang bergerak melaksanakan dasar-dasar awam dalam negeri yang lebih liberal dan secara halus menerapkan nilai-nilai meritokrasi dalam budaya masyarakat Melayu telah membantu peningkatan hubungan Malaysia-Singapura ke tahap normal.** Keterangan terperinci akan dapat dilihat dalam bab-bab yang berikutnya.

²⁵ Ang Hwee Suan, (ed), *Dialogues With S. Rajaratnam*, (Singapore: Shin Min Daily News (s) Ltd., 1991), m.s. 188.